



SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH PERANAN DALAM PROGRAM PENGKOMPUTERAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI PERINGKAT GLOBAL

PUTRAJAYA, 19 JUN 2025 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah dilantik sebagai Sekretariat kepada Seoul Accord bagi tempoh 2026 hingga 2029. Pelantikan tersebut diumumkan secara rasmi oleh Pengerusi Seoul Accord, Prof. Ir. Pak-Leung Yuen semasa Mesyuarat Agung Seoul Accord 2025 yang telah berlangsung pada 14 dan 15 Jun 2025 di Mérida, Mexico.

Mesyuarat tersebut telah disertai oleh Professor Emeritus Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, FASc., Presiden MBOT, serta Dr. Md Fauzi Md Ismail, Pendaftar MBOT. Buat masa ini, peranan Sekretariat Seoul Accord dijalankan oleh Institute of Engineering Education Taiwan (IEET). Seoul Accord merupakan perjanjian pelbagai hala antara badan-badan yang bertanggungjawab memberikan akreditasi kepada program profesional dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat di peringkat akademik.

Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan penting terhadap peranan dan komitmen MBOT dalam memperkuat standard pendidikan pengkomputeran dan teknologi maklumat dan latihan bertaraf global. Ini adalah sejajar dengan fungsi MBOT sebagai badan profesional yang mengiktiraf program dalam bidang teknologi dan teknikal. Melalui sistem akreditasi program yang berkualiti dan selaras dengan piawaian antarabangsa, MBOT memastikan graduan dalam bidang ini memenuhi keperluan industri serta berdaya saing di peringkat global.

Sebagai sekretariat, MBOT akan berperanan sebagai penyelaras kepada semua aktiviti Seoul Accord seperti penyelarasan Jawatankuasa Teknikal, pengurusan urusan akreditasi bagi badan-badan pemohon, serta penganjuran mesyuarat agung tahunan.

Menurut Professor Emeritus Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah, “Bersempena 10 tahun penubuhan pada tahun ini, pelantikan ini merupakan satu fasa baharu dalam pengantarabangsaan MBOT. Ini akan memberikan peluang kepada MBOT untuk mengharumkan nama negara di persada antarabangsa terutama dalam aspek akreditasi program pengkomputeran dan teknologi maklumat.”

Perjalanan MBOT dalam Seoul Accord bermula pada tahun 2019 sebagai penandatanganan sementara (*provisional signatory*), sebelum diterima sebagai penandatanganan penuh (*full signatory*) pada tahun 2024.

Penandatanganan penuh Seoul Accord terdiri daripada Accreditation Board for Engineering Education of Korea (ABEEK); Accreditation Board for Engineering and Technology, Inc. (ABET, Inc.); Australian Computer Society (ACS); Japan Accreditation Board for Engineering Education (JABEE); British Computer Society (BCS) – The Chartered Institute for IT; Canadian Information Processing Society (CIPS); Consejo Nacional de Acreditación en Informática y Computación, A.C. (CONAIC); Education and Training Evaluation Commission (ETEC) / National Center for Academic Accreditation and Evaluation (NCAAA); The Hong Kong Institution of Engineers (HKIE); Indonesian Accreditation Board for Engineering Education (IABEE); Institute of Engineering Education Taiwan (IEET); Engineers Ireland (EI); dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Sehingga kini, sebanyak enam belas (16) program telah menerima pengiktirafan Seoul Accord iaitu program yang ditawarkan di Universiti Teknologi MARA, Multimedia University, Universiti Teknologi PETRONAS dan Universiti Tunku Abdul Rahman.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
E-mel: t.nabila@mbot.org.my
+603-8800 6268/+6017-798 2604